

PETANI: DUA BIDANG BARU

PM syor perusahaan kaca dan buluh di Balik Pulau

BALIK PULAU, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, terdapat kawasan-kawasan tanah yang mempunyai potensi di daerah Balik Pulau untuk dijadikan perusahaan membuat barang-barang dari kaca.

Perusahaan ini, kata Datuk Seri Dr. Mahathir, merupakan satu punca pendapatan baru dalam daerah ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, "Saya mendapati kawasan-kawasan tanah yang baik itu setelah ditinjau dari udara."

Selain dari perusahaan kaca, di daerah Balik Pulau juga terdapat sumber buluh yang boleh dijadikan satu perusahaan yang mendatangkan pendapatan lumayan kepada penduduk-penduduk.

Katanya, perusahaan barang-barang yang diperbuat dari buluh seperti yang dilakukan oleh negeri-negeri lain termasuk Filipina telah menghasilkan punca pendapatan berjuta-juta ringgit.

"Akan tetapi sayang sekali kita di sini tidak tahu menggunakannya," tegas beliau.

Perdana Menteri menegaskan demikian semasa berucap kepada lebih 3,000 orang petani di padang Sekolah Menengah Sri Balik Pulau.

Oleh: ZAINALA

Datuk Seri Dr. Mahathir dan isterinya Datin Seri Dr. Siti Hamah Mohd. Ali mengadakan lawatan sehari suntuk ke daerah ini.

Ketibaan Perdana Menteri dan rombongan disambut oleh Pemangku Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Abdul Rahman Abbas di lapangan terbang Bayan Lepas pagi ini.

Beliau kemudian diberi taklimat pembangunan oleh Pegawai Daerah Balik Pulau, Encik Fauzi Abdul Rahman.

Perdana Menteri kemudian dibawa meninjau projek tanaman padi secara teknik baru di Sungai Burung.

Projek yang melibatkan tanah 28 hektar itu merupakan projek yang dibiayai oleh beliau sendiri.

Dalam ucapannya Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kerajaan mempunyai berbagai-bagai rancangan untuk menambatkan hasil pendapatan para petani di seluruh negara.

Antara rancangan itu, menurut beliau, ialah mengadakan projek estet padi menggunakan teknik-teknik baru termasuk mendapatkan khidmat nasihat dari penerasah-penerasah universiti dan pakar-pakar luar negeri.

Projek tanaman padi secara teknik baru di Sungai Burung ini bertujuan meningkatkan hasil pendapatan para petani daerah ini.

Beliau berkata projek tersebut tidak sepatutnya menggunakan ramal tenaga petani.

Ini bertujuan membolehkan usaha itu mendapat keuntungan yang lebih kepada pemegang-pemegang sahamnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, kerajaan tidak sekali-kali berniat untuk mengambil tanah-tanah petani di bawah sistem itu.

"Tetapi kesemua tanah tersebut akan diserahkan kepada syarikat kerjasama atau koperasi petani untuk mengendalikannya.

Sementara tuan tanah pula, ujarnya, boleh melibatkan diri dengan membeli saham.

Di bawah sistem tanaman padi cara baru itu juga, katanya, keuntungan yang didapati akan dibahagi kepada semua pemilik saham.

Menyentuh tentang bantuan subsidi, Perdana Menteri mengingatkan petani-petani dan orang Melayu bahawa bantuan tersebut hanya berbentuk sementara.

Beliau mengingatkan mereka jangan hanya sanggup memintakan saja kepada kerajaan.

Katanya, "Sikap sedemikian hanya akan melemahkan mereka dan mereka tidak akan mendapat apa-apa kemajuan."

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia